



20-26 APRIL, 2005

'Minggu Saham Amanah Malaysia' MSAM 2005

1

The sixth Minggu Saham Amanah Malaysia organised by Permodalan Nasional Berhad (PNB), was held at Padang MPS, Seremban, Negeri Sembilan from 20-26 April, 2005. The event was officiated by the Prime Minister, YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi at Seremban Municipal Council Hall. VIPs who visited MNRB booth included YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar of Negeri Sembilan, YB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Agricultural and Agro Based Industry Minister and YB Datuk Peter Chin Fah Kui, Plantation Industries and Commodity Minister. DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman and DYMM Tuanku Ampuan Besar, Tuanku Najihah Tunku Burhanuddin also visited the booth. The event was officially closed by the Deputy Prime Minister YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



Minggu Amanah Saham Malaysia kali keenam telah dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Padang MPS, Seremban, Negeri Sembilan dari 20-26 April, 2005. Acara tersebut telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di Dewan Majlis Perbandaran Seremban. Tetamu kehormat lain yang mengunjungi gerai pameran MNRB termasuk YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan YB Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan DYMM Tuanku Ampuan Besar, Tuanku Najihah Tunku Burhanuddin turut mengunjungi gerai pameran tersebut. Acara tersebut ditutup secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



12 MAY/MEI, & 18 NOVEMBER, 2005

Analysts' Briefing/Taklimat Penganalisis

2

MNRB Analysts' Briefings that are held twice a year have always drawn good response from Investment Analysts and Fund Managers. The briefing was delivered by Encik Anuar Mohd Hassan, the President and Chief Executive Officer of Malaysian Re. This was followed by a question and answer session.

Taklimat Penganalisis MNRB, yang diadakan dua kali setahun, sentiasa berjaya menarik sambutan menggalakkan daripada para Penganalisis Pelaburan dan Pengurus Dana. Taklimat tersebut disampaikan oleh Encik Anuar Mohd Hassan, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Re. Ia kemudian diikuti oleh satu sesi soal jawab.

13 MAY/MEI, 2005

MNRB Scholarship Signing Ceremony/
Majlis Menandatangani Biasiswa MNRB

3

For the year 2005, 15 scholarships were awarded to deserving students pursuing studies in the Insurance, Actuarial Science, Economics, Engineering, Information Technology, Accountancy and Marketing. A Scholarship Signing Ceremony was held on 13 May, 2005 to witness the signing of the Scholarship Agreements and presentation of cheques to the recipients. Prior to the signing ceremony, students attended a half-day induction programme that include talks on motivation, time management, learning tips and the fund's expectation from the scholarship recipients.

Bagi tahun 2005, 15 biasiswa telah dianugerahkan kepada para pelajar yang layak dan sedang mengikuti pengajian dalam bidang Insurans, Sains Aktuari, Ekonomi, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Perakaunan dan Pemasaran. Sebuah Majlis Menandatangani Biasiswa telah diadakan pada 13 Mei, 2005 untuk menyaksikan tandatangan Perjanjian Biasiswa dan penyampaian cek kepada penerima biasiswa. Sebelum majlis tersebut, para pelajar telah menghadiri sebuah program induksi selama setengah hari yang meliputi ceramah motivasi berhubung pengurusan masa dan tip-tip pembelajaran dan harapan tabung tersebut terhadap penerima biasiswa.




25 JUNE/JUN, 2005

Discover Science at Petrosains/Penerokaan Sains di Petrosains

4

MNRB once again organised a charitable programme called 'Discover Science' for 52 children from Rumah Titian Kasih and Rumah Sayangan that was held at Petrosains, KLCC. The programme served as a platform to stimulate the children's interest in science and technology. Being an interactive learning experience, the children were able to learn science through a method that was both fun and interesting way.

MNRB sekali lagi telah menganjurkan sebuah program kemasyarakatan 'Penerokaan Sains' bagi 52 orang kanak-kanak dari Rumah Titian Kasih dan Rumah Sayangan yang diadakan di Petrosains, KLCC. Program berperanan sebagai satu platform bagi mendorong minat pembelajaran kanak-kanak dalam bidang sains dan teknologi, sebagai satu pengalaman interaktif kanak-kanak berpeluang mempelajari sains melalui kaedah yang menyeronokkan dan menarik.



27-28 JUNE/JUN, 2005

ISO 9001:2000 Surveillance Audit/Audit Pengawasan ISO 9001:2000

5

SIRIM conducted its MS ISO 9001:2000 Surveillance Audit Program on 27-28 June, 2005. The purpose of the audit was to verify whether Malaysian Re's Quality Management System (QMS) is continuously and effectively being implemented in accordance with the requirement of MS ISO 9001:2000 and Malaysian Re's quality management system documents. The audit was conducted by Cik Hajjah Aine Jamaliah Mohamad Zain. This is the second surveillance audit following Malaysian Re's MS ISO 9001:2000 certification. The first surveillance audit was conducted on 21-22 June, 2004. The audit findings revealed that Malaysian Re was in full compliance with the QMS and as such, recommended that a continuation of the MS ISO 9001:2000 certification.

SIRIM telah menjalankan Program Audit Pengawasan ISO 9001:2000 pada 27-28 Jun, 2005. Tujuan audit tersebut adalah untuk mengesahkan sama ada Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Malaysian Re dilaksanakan secara berterusan dan berkesan, selaras dengan keperluan MS ISO 9001:2000 dan dokumen sistem pengurusan kualiti Malaysian Re. Audit tersebut dijalankan oleh Cik Hajjah Aine Jamaliah Mohamad Zain. Ini adalah audit pengawasan kedua selepas pengiktirafan MS ISO 9001:2000 Malaysian Re. Audit pengawasan pertama telah dijalankan pada 21-22 Jun, 2004. Penemuan audit tersebut mendedahkan bahawa Malaysian Re mematuhi QMS sepenuhnya dan oleh yang demikian, kesinambungan pengiktirafan MS ISO 9001:2000 telah disyorkan.



28 JUNE/JUN, 2005

Food For Life/Makanan Untuk Kesihatan

6

To foster a healthy lifestyle, Malaysian Re in collaboration with Upha Pharmaceuticals (UPHA) organized a health talk for all employees of MNRB, Malaysian Re and Takaful Ikhlas. The objective of the campaign was to inform and educate employees on all aspects on health apart from developing a preventive educational plan.

Untuk menerapkan gaya hidup sihat, Malaysian Re dengan kerjasama Upha Pharmaceuticals (UPHA) telah menganjurkan satu ceramah kesihatan untuk semua kakitangan MNRB, Malaysian Re dan Takaful Ikhlas. Objektif kempen tersebut adalah untuk memaklum dan mendidik kakitangan berhubung semua aspek kesihatan selain daripada membangunkan rancangan pendidikan pencegahan.



7

14-17 JULY/JULAI, 2005

Seminar For Staff Of Local Insurance Companies In Chiangmai, Thailand/ Seminar Kakitangan Syarikat-syarikat Insurans Tempatan di Chiangmai, Thailand

7

In line with the Company's on-going marketing activities, two seminars, namely 'Scenario Planning' and 'Investment Portfolio of General Insurance Companies – An Appreciation for Underwriting Executives' were held in Chaingmai, Thailand from 14-17 July, 2005. A total of 27 participants from the local insurance industry attended the seminars. The main objectives of the first seminar were to enable the participants to have a better understanding of the philosophy of scenario thinking and how it was being used as strategic management tool in the business environment. In the case of the second seminar, participants were given an in-depth view of a general insurance company's investment portfolio. Overall, the seminars have helped to foster a closer relationship between participants, comprising underwriters from the local insurance industry.



8

Selaras dengan aktiviti pemasaran berterusan Syarikat, dua buah seminar, iaitu 'Perancangan Senario' dan 'Portfolio Pelaburan Syarikat Insurans Am – Penghargaan kepada para Eksekutif Taja Jamin' telah diadakan di Chiangmai, Thailand dari 14-17 Julai, 2005. Seramai 27 orang peserta daripada industri insurans tempatan telah menghadiri seminar tersebut. Objektif utama seminar pertama ini adalah untuk membolehkan para peserta memperoleh pemahaman yang lebih baik mengenai pemikiran senario dan bagaimana ia digunakan sebagai kaedah pengurusan strategik dalam persekitaran perniagaan. Bagi seminar kedua pula, para peserta telah diberi penerangan mendalam berhubung portfolio pelaburan sebuah syarikat insurans am. Secara keseluruhannya, seminar tersebut telah membantu untuk merapatkan lagi hubungan antara para peserta yang terdiri daripada penaja jamin daripada industri insurans tempatan.



9

28 JULY/JULAI, 2005

MNRB 32nd Annual General Meeting/Mesyuarat Agung Tahunan ke 32 MNRB

8

Approximately 230 people including shareholders as well as representative from the various media attended the 32nd Annual General Meeting, held on 28 July, 2005. After the Q & A session, the Chairman and senior management team adjourned for a press conference.

Mesyuarat Agung ke 32 MNRB telah diadakan pada 28 Julai, 2005 dan telah dihadiri oleh seramai kira-kira 230 orang termasuk para pemegang saham serta wakil daripada pelbagai media. Selepas sesi soal jawab, Pengerusi dan pengurusan kanan Syarikat telah beredar untuk menghadiri sidang akhbar.

2-5 AUGUST/OGOS, 2005

Caring For The Heart/Kempen Kesedaran Kesihatan Jantung

9

Malaysian Re once again collaborated with the Heart Foundation of Malaysian in organising the second 'Healthy Heart Awareness Campaign'. The campaign consisted of a Health Screening and Health Talk. The health screening was carried out not only to create awareness amongst the employees on health related matters but also to alert them on the possible risk factors and the necessary steps that should be taken to ensure better health.

Malaysian Re dengan kerjasama Yayasan Jantung Malaysia, sekali lagi telah mengadakan 'Kempen Kesedaran Kesihatan Jantung'. Kempen tersebut meliputi Pemeriksaan Kesihatan dan Ceramah Kesihatan. Pemeriksaan kesihatan dijalankan bukan hanya untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan mengenai perkara-perkara berkaitan kesihatan, tetapi juga untuk menyedarkan mereka berhubung faktor-faktor risiko yang mungkin berlaku dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan kesihatan yang lebih baik.



8 AUGUST/OGOS, 2005

MNRB, Malaysian Re and Takaful Ikhlas Yearly Get-Together/
Perhimpunan Tahunan MNRB, Malaysian Re dan Takaful Ikhlas

10

The Yearly Get-Together between employees of MNRB, Malaysian Re and Takaful Ikhlas was introduced in order to further enhance the harmonious relationship between employees. The Management also used this occasion to share and update the employees on each Company's performances and plans. More than 454 employees gathered and enjoyed the evening while exchanging views with one another.

Perhimpunan Tahunan mengukuhkan lagi antara kakitangan MNRB, Malaysian Re dan Takaful Ikhlas telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi keharmonian di kalangan kakitangan. Pihak Pengurusan turut menggunakan acara ini sebagai landasan untuk berkongsi dan memberi maklumat terkini kepada kakitangan berhubung prestasi dan rancangan setiap Syarikat. Lebih 454 orang kakitangan telah menghadiri perhimpunan tersebut dan menggunakan peluang ini untuk bermesra sambil bertukar pendapat.



12-14 AUGUST/OGOS, 2005

Annual Family Outing/Percutian Keluarga Tahunan

11

A family outing means fun – filled games, excitement and entertainment. That's what awaited all of us at Swiss Garden Damai Laut, Lumut, Perak. A colourful 'Dikir Barat' competition was one of the activities held on the first night and a 'match made in heaven' was the theme for second night. The outing helped to foster a closer family spirit and cooperation amongst the employees and management of the Company.

Percutian keluarga pastinya dipenuhi dengan permainan dan hiburan yang menyeronokkan. Itulah yang menanti kami di Swiss Garden Damai Laut, Lumut, Perak. Satu pertandingan Dikir Barat yang penuh warna-warni adalah salah satu daripada aktiviti yang telah diadakan pada malam pertama manakala 'pasangan paling ideal' adalah tema bagi malam kedua. Percutian tersebut membantu untuk mengukuhkan semangat kekeluargaan dan kerjasama yang lebih rapat di kalangan kakitangan dan pengurusan Syarikat.



17-20 AUGUST/OGOS, 2005

Corporate War Games/Pertandingan Perang Korporat

12

The 'Corporate War Games', one of the most highly awaited programmes organised for the insurance industry, is an annual event that is held to foster a closer rapport among insurance companies. This annual event sponsored by Malaysian Re, was held at Jeram Besu, Pahang.

'Pertandingan Perang Korporat', salah satu program yang paling dinanti-nanti dan dianjurkan untuk industri insurans, adalah acara tahunan yang diadakan untuk mengukuhkan hubungan yang lebih rapat di kalangan syarikat-syarikat insurans. Acara tahunan yang ditaja oleh Malaysian Re itu, telah diadakan di Jeram Besu, Pahang.



20 AUGUST/OGOS, 2005

16th Annual Golf Tournament/Pertandingan Golf Tahunan ke 16

13

Malaysian Re's 16th Annual Golf Tournament was held at the Sungai Long Golf & Country Club. The response was good as 105 golfers participated in the tournament. This annual event was organized as a token of appreciation to its business associates in the insurance industry.

Pertandingan Golf Tahunan ke 16 Malaysian Re telah diadakan di Sungai Long Golf & Country Club. Pertandingan tersebut menerima sambutan menggalakkan di mana 105 orang pemain golf telah mengambil bahagian. Acara tahunan ini diadakan sebagai salah satu cara Malaysian Re menghargai rakan-rakan sekutu perniagaannya dalam industri insurans.



23 AUGUST/OGOS, & 21 DECEMBER/DISEMBER, 2005

Up Close With The Media/Mendekati Media

14

A media luncheon was organised by MNRB with the senior editors of the major print and electronic media. The luncheon also serves as a platform to keep the media abreast of the current developments within the MNRB Group. It also enables MNRB to brief the media about its activities and role in the insurance industry and latest developments that are taking place in the industry.

Satu majlis makan tengahari telah diadakan oleh MNRB dengan para editor kanan media cetak dan elektronik utama. Majlis makan tengahari tersebut turut berperanan sebagai landasan untuk memberi maklumat terkini kepada pihak media berhubung perkembangan semasa dalam kumpulan MNRB. Ia juga membolehkan MNRB memberi taklimat kepada media mengenai aktiviti dan peranannya dalam industri insurans dan perkembangan terbaru yang berlaku dalam industri.



5, 6, 7, 13, 14, 20, 21, 27, 28 SEPTEMBER, 2005

Programme for Insurance Executives Development (PIED)/

Program Pembangunan Eksekutif Insurans (PIED)

15

The Programme for Insurance Executives Development (PIED) that was held encompassing 4 classes of insurance – Liability, Marine, Engineering and Fire & Allied Perils – drew very good response from participants including those from China, Vietnam, Thailand, Indonesia and Brunei.

Program Pembangunan Eksekutif Insurans (PIED) tersebut telah diadakan merangkumi 4 kelas insurans – Liabiliti, Marin, Kejuruteraan dan Kebakaran & Risiko-Risiko Berkaitan. Ia telah memperolehi sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta termasuk dari China, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Brunei.



27-30 SEPTEMBER, 2005

Hari Q for PNB Group/Hari Q Kumpulan PNB

16

The 5th Permodalan Nasional Berhad (PNB) Group Q day was held at Menara PNB. The objectives of Hari Q were not only to foster the PNB-family spirit and to be knowledgeable about each member company's businesses but also to share information on achievements and quality initiatives among the PNB Group of Companies. This year's Hari Q theme was 'Striving For Excellence'.

Hari Q Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ke 5 telah diadakan di Menara PNB. Objektif Hari Q bukan hanya untuk mengukuhkan semangat kekeluargaan PNB dan memahami perniagaan setiap syarikat, tetapi juga untuk berkongsi maklumat berhubung pencapaian dan inisiatif kualiti di kalangan syarikat-syarikat Kumpulan PNB. Tema Hari Q tahun ini adalah 'Berusaha Mencapai Kecemerlangan'.



3-4 OCTOBER/OKTOBER, 2005 & 23-24 MARCH/MAC, 2006

ISO 9001: 2000 Internal Auditing/Audit Dalam ISO 9001:2000

17

A two-day in-house programme on 'ISO 9001: 2000 Internal Auditing' was conducted by Puan Zaleha Naim from SIRIM Training Services Sdn Bhd. The second in-house programme on 'ISO 9001: 2000 Internal Auditing' was conducted on Thursday and Friday (23-24 March, 2006) by Encik Alias Samsudin, the QMR of Malaysian Re's. The objective of the programme is to train participants on the principles and practices in undertaking ISO Internal Audits in line with the generic guidelines, skills and techniques of auditing and in communicating the findings.

Program dalaman selama dua hari berhubung 'Audit Dalam ISO 9001:2000' tersebut telah dijalankan oleh Puan Zaleha Naim daripada SIRIM Training Services Sdn. Bhd. Program dalaman kedua berhubung 'Audit Dalam ISO 9001:2000' telah dijalankan pada hari Khamis dan Jumaat (23-24 Mac, 2006) oleh Encik Alias Samsudin, QMR bagi Malaysian Re. Objektif program tersebut adalah untuk melatih para peserta berhubung prinsip dan amalan dalam menjalankan Audit Dalam ISO sejajar dengan garis panduan, kemahiran dan teknik generik bagi pengauditan dan dalam menyampaikan penemuannya.



18

13 OCTOBER/OKTOBER, 2005

Majlis Berbuka Puasa

18

During the holy month of Ramadhan, the annual 'Majlis Berbuka Puasa' was held at the Auditorium of Bangunan Malaysian Re. More than 100 guests including staff of Malaysian Re gathered to break fast and perform 'Solat Terawih'. The event started off with an informative talk entitled 'Tarbiah Ramadhan Membangun Modal Insani', delivered by Ustaz Zamri Haji Zainal Abidin from Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Satu 'Majlis Berbuka Puasa' tahunan telah diadakan pada bulan Ramadhan yang mulia di Auditorium Bangunan Malaysian Re. Lebih 100 orang tetamu jemputan termasuk kakitangan Malaysian Re telah berkumpul untuk berbuka puasa dan menunaikan Solat Terawih. Acara tersebut dimulakan dengan ceramah pengisian bertajuk 'Tarbiah Ramadhan Membangun Modal Insani', yang disampaikan oleh Ustaz Zamri Haji Zainal Abidin daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).



19

19 OCTOBER/OKTOBER, 2005

Share The Spirit Of Ramadhan/Berkongsi Semangat Ramadhan

19

In keeping with Malaysian Re's annual tradition of organizing charitable activities, this year, the Company celebrated the spirit of Ramadhan Al-Mubarak with orphans and poor children of Kg. Meru, Klang. The children, aged 7 to 17 years, also received generous contributions from the staff that helped to make the event even more meaningful. These contributions included cash, mini hampers and dry tidbits such as 'kerepek' and cookies.

Dalam usaha mengekalkan tradisi tahunan Malaysian Re dalam menganjurkan aktiviti amal, pada tahun ini, Syarikat telah menyambut semangat Ramadhan Al-Mubarak bersama kanak-kanak yatim dan miskin dari Kg. Meru, Klang. Bagi menjadikan acara itu lebih bermakna, kanak-kanak yang berusia antara 7 hingga 17 tahun tersebut turut menerima sumbangan ikhlas daripada kakitangan yang meliputi wang tunai, hamper mini dan makanan ringan seperti kerepek dan biskut.



20

26 OCTOBER/OKTOBER, 2005

The Festivals Of Lights/Sambutan Perayaan Cahaya

20

The Festival of Lights was celebrated at Rumah Kebajikan Anbu Illam in Hulu Kelang and Karunai Illam in Kepong. Both homes provide shelter for the underprivileged, abused and abandoned children of Indian origin between the ages of 3 and 17 years. The management and staff of Malaysian Re distributed electrical appliances, mini hampers and cash donations to both homes.

Sambutan Perayaan Cahaya telah diadakan di Rumah Kebajikan Anbu Illam, Hulu Kelang dan Karunai Illam di Kepong. Kedua-dua rumah tersebut menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak yang tidak bernasib baik, didera dan terbiar berbangsa India yang berumur antara 3 hingga 17 tahun. Pengurusan dan kakitangan Malaysian Re telah menyampaikan barangan elektrik, hamper mini dan sumbangan wang tunai kepada kedua-dua rumah kebajikan tersebut.



21

21 NOVEMBER, 2005

Malaysian Re's Hari Raya Open House/Rumah Terbuka Malaysian Re

21

Our yearly 'Hari Raya Open House' drew familiar faces not only from the local industry but also from the international market. The joy of 'syawal' was also shared with 30 children from Majlis Kanser Nasional (MAKNA) and 21 orphans from Kg. Telok Gong, Klang. Encik Mustaffa Ahmad, the Executive Vice President & Chief Operating Officer of Malaysian Re, distributed hampers and cash to the children.

Rumah Terbuka tahunan kami telah dikunjungi oleh rakan-rakan sekutu bukan hanya daripada industri tempatan, malah daripada pasaran antarabangsa. Kegembiraan Syawal turut dikongsi bersama-sama dengan 30 orang kanak-kanak dari Majlis Kanser Malaysia (MAKNA) dan 21 orang anak yatim dari Kg. Telok Gong, Klang. Encik Mustaffa Ahmad, Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Operasi Malaysian Re telah menyampaikan hamper dan wang tunai kepada kanak-kanak tersebut.



16 DECEMBER/DISEMBER 2005

Joy of Christmas/Kegembiraan Krismas

22

Widely known as a season of sharing and giving, Malaysian Re shared an early Christmas celebration with the children of 'House of Joy' in Puchong. During the visit, the children were treated to some light refreshments from one of the fast food restaurants and 'Xmas' gifts. The Company also contributed various electrical appliances to the Home and the children were also entertained by a magic show and clown performance.

Bersempena musim perayaan yang dipenuhi dengan semangat perkongsian dan memberi, Malaysian Re telah berkongsi kegembiraan sambutan awal Krismas dengan kanak-kanak 'House of Joy' di Puchong. Semasa kunjungan tersebut, kanak-kanak di sana telah diraikan dengan jamuan ringan dan hadiah-hadiah Hari Natal. Syarikat turut menyumbangkan pelbagai peralatan elektrik kepada Rumah tersebut dan kanak-kanak tersebut juga telah dihiburkan dengan persembahan silapmata dan badut.



17 DECEMBER/DISEMBER 2005

Staff Breakaway/Acara 'Breakaway'

23

This year, all employees of MNRB and Malaysian Re gathered at Taman Pertanian Bukit Cahaya Shah Alam for another fun-packed breakaway. Among all the activities, the most exciting and 'action-packed' was the Keli Challenge. The objective of this activity is to see how far a group would go in order to complete the given task.

Pada tahun ini, semua kakitangan MNRB dan Malaysian Re telah berkumpul di Taman Pertanian Bukit Cahaya Shah Alam untuk satu lagi acara 'Breakaway' yang penuh keseronokan. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan, acara yang paling menyeronokkan dan penuh aksi adalah "Cabaran Keli". Objektif aktiviti tersebut adalah untuk melihat sejauh manakah sesebuah kumpulan sanggup berusaha untuk menyelesaikan tugas yang diberi.



20 JANUARY/JANUARI 2006

Cheers at the Old Folk's Home/Kegembiraan di Rumah Warga Emas

24

Malaysian Re welcomed 2006 by holding yet another charitable activity at Rumah Orang-Orang Tua Seri Setia. It was held in conjunction with the Chinese New Year celebration. The company contributed 10 units of wall fans and a digital camera to the Home, as well as hampers to all 55 residents.

Malaysian Re menyambut tahun 2006 dengan mengadakan satu lagi aktiviti amal di Rumah Orang-Orang Tua Seri Setia. Ia diadakan sempena perayaan Tahun Baru Cina. Syarikat telah menyumbang 10 unit kipas dinding dan sebuah kamera digital kepada Rumah tersebut, berserta hamper kepada kesemua 55 orang penghuni.



28 FEBRUARY/FEBRUARI 2006

Blood For Life/Darah Untuk Kehidupan

25

Malaysian Re in collaboration with the National Blood Centre (NBC) held a 'Blood Donation Drive' that received an overwhelming response from all the employees and tenants of Bangunan Malaysian Re. A total of 95 donors gave their support during the 7-hour programme.

Malaysian Re telah bekerjasama dengan Pusat Darah Negara (NBC) dalam mengadakan 'Kempen Menderma Darah' yang telah menerima sambutan amat menggalakkan daripada semua kakitangan dan penghuni Bangunan Malaysian Re. Seramai 95 orang penderma telah menunjukkan sokongan mereka dalam usaha derma darah selama 7 jam tersebut.